

Bil. S 38

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH AUTORITI MONETARI BRUNEI DARUSSALAM (PINDAAN), 2012

SUSUNAN BAB-BAB

Bab

1. Gelaran.
 2. Pemasukan bab 42A baru ke dalam S 103/2010.
-

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH AUTORITI MONETARI BRUNEI DARUSSALAM (PINDAAN), 2012

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh Perkara 83(3) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

Gelaran.

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Autoriti Monetari Brunei Darussalam (Pindaan), 2012.

Pemasukan bab 42A baru ke dalam S 103/2010.

2. Perintah Autoriti Monetari Brunei Darussalam, 2010 adalah dipinda dengan memasukkan bab baru yang berikut sejurus selepas bab 42 —

“Biro kredit.

42A. (1) Autoriti boleh menubuhkan sebuah biro kredit untuk mengumpulkan, mengikut cara dan setakat mana yang difikirkan patut oleh Autoriti, maklumat kredit (termasuk maklumat mengenai dan berhubung dengan penolakan mana-mana cek oleh sesebuah bank pembayar kerana wang dalam akaun orang yang mengeluarkan cek itu tidak mencukupi) atau apa-apa maklumat lain yang dianggap berkaitan oleh Autoriti dalam menilai kepercayaan kredit pelanggan mana-mana bank atau institusi kewangan.

(2) Autoriti boleh mendedahkan, mengikut cara dan setakat mana yang difikirkan patut oleh Autoriti, maklumat kredit yang dikumpulkan itu, kepada —

(a) mana-mana bank atau institusi kewangan bagi tujuan membantu dalam menilai kepercayaan kredit pelanggan-pelanggannya yang sedia ada dan bakal pelanggan-pelanggannya, atau bagi tujuan membantu sesebuah bank atau institusi kewangan, untuk menilai kelayakan seseorang pelanggan untuk mendapatkan suatu kemudahan kredit dengan bank atau institusi kewangan yang mengendalikan suatu kemudahan kredit, dengan syarat bahawa maklumat yang didedahkan oleh biro kredit itu hendaklah dirahsiakan di antara biro kredit itu dan bank atau institusi kewangan itu;

(b) seseorang pelanggan di sesebuah bank atau institusi kewangan berkaitan dengan akaunnya sendiri, atau kepada seseorang

pelanggan atau mana-mana orang berkaitan dengan apa-apa akaun di mana pelanggan atau orang itu telah melakukan sebarang obligasi kewangan, bagi tujuan mengesahkan ketepatan maklumat kredit yang diberikan oleh bank atau institusi kewangan itu, atau bagi apa-apa tujuan lain sebagaimana yang difikirkan patut oleh Autoriti, dengan syarat bahawa maklumat yang didedahkan oleh biro kredit itu kepada pelanggan atau orang itu berkaitan dengan apa-apa akaun di mana pelanggan atau orang itu telah melakukan sebarang obligasi kewangan, hendaklah dirahsiakan di antara biro kredit itu dan pelanggan atau orang yang berkenaan;

(c) orang lain sebagaimana yang difikirkan patut oleh Autoriti, bagi mengumpulkan maklumat atau data atau menjalankan penyelidikan bagi tujuan melaksanakan matlamat-matlamat dan menjalankan tugas-tugas Autoriti di bawah Perintah ini, dengan syarat bahawa apa-apa penyiaran maklumat, data atau penyelidikan itu oleh Autoriti atau orang lain itu, hendaklah disatukan atau dikumpulkan dan tidak akan dalam apa jua cara membawa kepada pengenalpastian mana-mana pelanggan sesebuah bank atau institusi kewangan yang disebut dalam maklumat, data atau penyelidikan itu; dan

(d) orang lain sebagaimana yang dianggap perlu oleh Autoriti berkaitan dengan akaun seseorang pelanggan di sesebuah bank atau institusi kewangan, bagi apa-apa tujuan sebagaimana yang difikirkan patut oleh Autoriti.”.

Diperbuat pada hari ini 30 haribulan Rejab, Tahun Hijrah 1433 bersamaan dengan 20 haribulan Jun, 2012 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM